

Jangan perlekeh profesion media

MENGGALAS tanggungjawab dan amanah selaku pengamal media bukan semudah yang disangka oleh kebanyakan pihak dalam usaha melaporkan kebenaran serta menghormati hak orang ramai untuk mendapatkan maklumat sahih.

Seringkali pengamal media dijadikan *punching bag* atau bahan kecaman selepas laporan yang diterbitkan didakwa berat sebelah atau dihasilkan dengan cara membuta tuli.

Bahan-bahan berita yang dilaporkan bukan diperoleh melalui cara melepak di kedai kopi, 'membawang' ataupun 'diceduk' daripada sumber-sumber yang tidak sahih.

Sebaliknya, pengamal media berhujan dan berpanas, mengejar masa dan tidak keterlaluan untuk dinyatakan di sini perbuatan segelintir pihak yang melayani kelompok media tidak ubah seperti tetamu tidak diundang.

Adalah keterlaluan untuk pihak luar tidak kira siapa pun mereka melabelkan pengamal media sebagai tidak beretika dalam penulisan sekali gus mempengaruhi masyarakat luar terutamanya pembaca sehingga tercetusnya persepsi tidak sihat terhadap media.

Harus diingatkan, sejak sekian lama peranan pengamal media diibaratkan sebagai jambatan antara masyarakat dengan dunia luar.

Justeru, usah diperlekehkan usaha dan kerja keras wartawan yang mengorbankan masa dan tenaga sehingga ada kalanya terpaksa meninggalkan keluarga untuk satu-satu tempoh masa dalam menyempurnakan amanah kepada masyarakat selaku pembekal berita.

Profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad memberitahu, peranan pengamal media tidak ubah seperti ahli sejarah mencatat peristiwa yang bagi pandangan mereka adalah penting.

"Jadi mereka (pengamal media) tidak boleh mencatat semua perkara. Ia perlu dipilih mengikut kepentingan pada waktu itu. Sama juga seperti ahli sejarah, mereka mencatat peristiwa-peristiwa yang penting.

"Mudah untuk berurusan dengan media. Ia lebih kepada pengalaman yang ada pada seseorang pemimpin dalam membuat sebarang kenyataan. Ini kerana media akan menulis apa yang penting untuk ditekankan pada satu-satu masa.

"Media tidak boleh dipersalahkan kerana adakalanya sesuatu kenyataan itu memang disebut meskipun itu bukan butiran penting. Pemimpin yang berpengalaman dengan media akan mengetahui apa



Di Sebalik
Isu Panas

Bersama
SAHLIZAH MOHAMED

“Sensasi tidak salah tetapi sesuatu isu itu perlu dikupas secara keseluruhan dan yang paling penting boleh mendidik pembaca

yang boleh dan tidak boleh disebut,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, semua pemimpin perlu mempunyai hubungan yang baik dengan media. Dalam era ini, media dapat memberi liputan yang baik selain memberi kesan dari segi keraja politik seseorang.

“Sekiranya berlaku kesilapan kenyataan, mereka boleh sahaja membetulkan kesalahan yang berlaku. Berita tidak hanya disiarkan sekali, ia pasti akhbar ada laporan susulan.

“Ini semua resam. Kita tidak boleh mengubah dunia, tetapi kita boleh mengubah diri kita sendiri untuk menjadi lebih baik,” jelasnya.

Dalam pada itu, **Pensyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Dr. Rosmiza Bidin** berkata, beliau memahami tugas pengamal media dalam usaha melariskan akhbar terutama dalam menerbitkan laporan yang sensasi dan terkini.

“Sensasi tidak salah tetapi sesuatu isu itu perlu dikupas secara keseluruhan dan yang paling penting boleh mendidik pembaca.

“Sejak adanya media sosial, pembaca semakin dibawa-bawa untuk cepat melatah.

“Oleh kerana terlalu biasa melatah dalam media sosial; perkara itu dibawa-bawa ke media yang lain,” katanya.

Katanya, masyarakat ketika ini sudah terdedah dengan pelbagai pengetahuan dan secara tidak langsung meningkatkan tahap pemikiran pada aras yang lebih baik.

“Apabila sudah terlalu banyak informasi, ia menjadikan pembaca tepu dan tidak mempunyai pendirian. Ia menghalang mereka daripada berfikir secara kreatif dan beretika.

“Pihak media juga perlu faham bahawa mereka tidak boleh mengharapkan maklum balas seperti yang dimahukan.

“Bukan mengalah kepada pembaca, tetapi sebaliknya memahami keperluan dan cita rasa pembaca masa kini yang semakin mencabar serta cuba bersikap menang-menang dalam mengetengahkan sesuatu isu,” jelasnya.